

Raja Norain Hidayah Raja Abdul Aziz
morain@hmetro.com.my

Kuantan

Tangki air yang pecah sehingga mengakibatkan runtuhnya dinding bangunan di Kompleks Teruntum, di sini, kelmarin, sudah digunakan selama 13 tahun berbanding tempoh ja minannya iaitu hanya 10 tahun.

Pemangku Raja Pahang Tengku Abdullah Sultan Ahmad Shah berkata, tangki air diperbuat daripada gentian kaca itu digunakan melebihi tempoh jaminan diberikan. "Menerusi taklimat diberikan, tangki (air) berkenaan sudah digunakan sejak 13 tahun sebelum ia pecah manakala warranty (jaminan) adalah 10 tahun, mujur hanya tangki itu saja yang pecah.

"Mungkin ada keperluan membina semula atau dibaliki, harap ia dapat dibuat secepat mungkin, jika perlu sedikit perbelanjaan boleh dipertimbangkan untuk pastikan keselamatannya," katanya pada sidang media selepas mendengar taklimat

“Semua bangunan lama di negeri ini termasuk bangunan kerajaan perlu diperiksa bagi mengelak kejadian tidak diingini berlaku”

Tengku Abdullah Sultan Ahmad Shah

daripada pihak pengurusan dan meninjau lokasi kejadian, di sini, semalam.

Hadir sama, Menteri Besar Pahang Datuk Seri Adnan Yakob, Setiausaha Kerajaan Negeri Datuk Seri Muhammad Safian Ismail serta Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Pahang Datuk Abdul Wahab Mat Yassin.

Dalam kejadian kelmarin, satu daripada dua tangki diperbuat daripada gentian kaca di tingkat empat kompleks berkenaan pecah menyebabkan air di dalamnya yang berkapasiti 227,124 liter merempuh dinding hingga pecah.

Runtuhan serpihan konkrit pada ketinggian 40 meter terkena tiga kereta serta 10 mo-



TENGGU Abdullah (dua dari kiri) melawat lokasi kejadian tangki air pecah, semalam.

Tangki pecah lebih usia

Tempoh hayat lebih 10 tahun

tosikal Empat individu juga cedera ringan akibat terjerat ketika melarikan diri sebaik menyedari kejadian berkenaan.

Tengku Abdullah turut mengarahkan semua bangunan lama di negeri ini termasuk bangunan kerajaan diperiksa bagi mengelak kejadian tidak diingini berlaku.

Bellau berkata, pemeriksaan itu perlu dilakukan supaya kejadian tangki pecah di kompleks dan seumpamanya



ANGGOTA bomba memeriksa tangki air yang pecah, semalam.

tidak berulang.

"Apa yang berlaku semalam (kelmarin) adalah perkara tidak diingini, namun kajian terperinci perlu dilakukan supaya kerja pembaikan dapat dilakukan segera selain keselamatan orang ramai terjaga.

"Kita tidak mahu perkara lebih buruk berlaku, kena periksa semua (struktur) bangunan lama seperti bangunan Setiausaha

Kerajaan Negeri (SUK) dan pejabat Menteri Besar (Wisma Sri Pahang)," katanya.

Dalam pada itu, Tengku Abdullah turut meminta pihak pengurusan bangunan mempertimbangkan pampasan berpatutan kepada semua peniaga yang menyewa premis di kompleks berkenaan.

"Saya tidak pasti bilangan penyewa premis di

sini dan kalau boleh, pihak pengurusan bangunan iaitu Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang (PKNP) pertimbangkan pampasan untuk mereka.

"Saya harap perkara (kejadian) ini boleh dijadikan pengajaran, saya minta semua pihak menjadikan penyelenggaraan bangunan sebagai budaya supaya ia tidak mendatangkan masalah," katanya.

Boleh beroperasi jika patuh syarat

Kuantan: Operasi di Kompleks Teruntum, di sini, yang diarah dihentikan sejak kelmarin boleh beroperasi mulai hari ini jika beberapa syarat yang diberikan dapat dipatuhi.

Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Pahang Datuk Abdul Wahab Mat Yassin berkata, pihaknya hanya akan membenarkan operasi di kompleks itu berjalan seperti biasa hari ini jika pihak pengurusan bangunan dapat membersihkan sisa runtuhan di kawasan letak kenderaan pada bahagian

belakang bangunan itu.

"Kami sudah melakukan pemeriksaan awal dengan kerjasama Jabatan Kerja Raya (JKR) negeri, kami boleh benarkan mereka beroperasi semula esok (hari ini) jika pihak pengurusan bangunan boleh bersihkan sisa runtuhan hari ini (semalam).

"Selain itu, kami harap pihak pengurusan bangunan juga dapat mengikut garis panduan yang sudah diterapkan bagi tujuan keselamatan semua pihak berurusan di sini," katanya.

Sementara itu, Pengarah JKR Pahang Datuk Ir Abdul Jalil Mohamed berkata, kerja penyelenggaraan kompleks berkenaan perlu dilakukan segera bagi mengelak berlaku sebarang kejadian runtuhan lain yang boleh membahayakan peniaga dan orang awam.

Katanya, pihak Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang (PKNP) perlu melaksanakan kerja penyelenggaraan segera terutama merobohkan keseluruhan bahagian dinding yang pecah.

ECONSAVE

BANDINGKAN HARGA KAMI 比一比我们的价钱

PROMOSI HEBAT

26 - 31 Jul 2017

<p>PETPET</p> <p>1 PEK RM 31⁹⁰</p> <p>PETPET Day Pants Lampin Seluar Bayi Pakai Buang Pak Mega M76, L65, XL56, XXL48</p>	<p>PETPET</p> <p>1 PEK RM 30⁹⁰</p> <p>PETPET Lampin Bayi Pakai Buang Pak Mega S84, M76, L64, XL52</p>	<p>PETPET</p> <p>1 PEK RM 32⁸⁰</p> <p>PETPET Night Tape Lampin Bayi Pakai Buang Pak Mega S86, M80, L50, XL44</p>
<p>Fitti</p> <p>1 PEK RM 23⁸⁰</p> <p>Fitti Lampin Bayi Pakai Buang Pak Jumbo S84, M72, L60, XL52</p>	<p>Certainty</p> <p>M18 RM 23⁸⁰</p> <p>L15 RM 24⁸⁰</p> <p>Certainty Lampin Dewasa Pakai Buang Pak Value M18, L15</p>	<p>Certainty</p> <p>M11 RM 16⁴⁵</p> <p>L11 RM 20⁴⁵</p> <p>Certainty Lampin Seluar Dewasa Pakai Buang M11, L11</p>

*Harga dipapar termasuk Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST)